



Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mencapai kata sepakat dengan memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Jobmarket Malaysia Sdn. Bhd. untuk bekerjasama dalam meningkatkan peluang pelajar-pelajar mendapat tempat ketika Latihan Industri (LI).

Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato` Dr. Daing Nasir Ibrahim, dalam ucapan aluannya berkata, MoU ini adalah salah satu usaha UMP untuk membangunkan satu pertalian strategik dalam mengendalikan satu kaedah LI yang lebih berkesan dan cekap.

“Ini adalah sebagai satu nilai tambah kepada para pelajar kerana UMP mengharapkan sebahagian daripada pelajar-pelajarnya dapat ditempatkan di beberapa syarikat gergasi dan multinasional,” ujar beliau.

Beliau menambah, MoU ini bukan bertujuan untuk menyerahkan tugas mendapatkan tempat LI kepada pihak ketiga tetapi ia lebih kepada satu jalinan usaha sama yang akan dapat mempromosikan pelajar-pelajar UMP dari segi kualiti, kecekapan dan kemahiran. Jobmarket Malaysia Sdn. Bhd. yang diwakili oleh Ketua Eksekutif, Yang Berbahagia Datin Paduka Juma'ah Mokhtar turut melahirkan rasa gembira dengan jalinan usaha sama ini.

“Pertalian yang dibina sejak tahun 2006 ini telah disimpulkan dengan satu perjanjian yang lebih bermakna.

“Melalui perjanjian ini para penyayahan akan mendapat lebih manfaat kerana mereka boleh mengakses ke portal Jobmarket Malaysia dengan lebih mudah untuk memantau pelajar-pelajar yang sedang melakukan LI,” tambah

Datin Paduka Juma'ah Mokhtar.

Beliau berkata, para pelajar bukan sekadar mendaftar nama ke dalam portal Jobmarket Malaysia dengan bayaran minimum RM12 tetapi mereka turut berpeluang untuk mendapatkan tempat yang terbaik untuk LI sekiranya mereka dapat mempromosikan diri mereka dengan cara yang betul.

Jelasnya, pihak Jobmarket Malaysia akan berusaha untuk menyediakan satu slot penerangan kepada para pensyarah tentang bagaimana portal Jobmarket Malaysia ini berfungsi dan dapat membantu mereka dari aspek penilaian terhadap pelajar dan juga syarikat yang menempatkan pelajar tersebut.

“Kita juga berharap dengan jalinan usaha sama ini ia dapat membantu para pelajar bukan sahaja dari segi penempatan tetapi termasuk aspek-aspek penting yang lain seperti kemahiran berkomunikasi dan tahap keyakinan diri yang menjadi salah satu daripada faktor penting dalam usaha mendapatkan peluang penempatan,” tambah beliau sebelum mengakhiri ucapan.

Majlis ringkas tersebut telah menyaksikan satu MoU ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak. UMP diwakili oleh Yang Hormat Profesor Dato` Dr. Daing Nasir Ibrahim dan disaksikan oleh Mohd Fadzil Faisae Ab Rashid selaku Ketua Program Latihan Industri. Jobmarket Malaysia Sdn. Bhd. pula diwakili oleh Yang Berbahagia Datin Paduka Juma'ah Mokhtar selaku Ketua Eksekutif dan disaksikan oleh How Ming Hsa selaku Ketua Pegawai Teknologi.

UMP meterai MoU bersama Jobmarket Malaysia

“Pertalian yang dibina sejak tahun 2006 ini telah disimpulkan dengan satu perjanjian yang lebih bermakna,”
- Datin Paduka Juma'ah Mokhtar

